

PENYELIAAN DISERTASI MOD B

- Disertasi dibenarkan setelah calon menyempurnakan 16 jam kredit lulus dan mengumpul PNGK tidak kurang daripada 3.00.
- Penyelia Disertasi boleh dilantik dari kalangan ahli akademik dari mana-mana Fakulti sebagai penyelia dan/atau Penyelia Bersama dan/atau Penyelia Bersekutu daripada mana-mana IPTA atau institusi lain yang berwibawa untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan disertasi
- Penyelia Bersama/ Bersekutu boleh terdiri daripada ahli akademik universiti luar dan/atau pakar dari organisasi luar.
- Perlantikan Penyelia / Penyelia Bersama / Penyelia Bersekutu hendaklah diperaku diluluskan Jawatankuasa Pengajian Siswazah (Rujuk Garis Panduan Penyeliaan Program Pengajian Siswazah UPSI untuk maklumat lebih terperinci berkaitan dengan penyeliaan).

PEPERIKSAAN DISERTASI MOD B

Disertasi akan diperiksa oleh **dua (2) orang pemeriksa dalaman** yang dilantik oleh Senat Universiti berdasarkan pencalonan dari Fakulti. Urusan pengendalian Viva diuruskan oleh Fakulti.

PENYELIAAN KERTAS PROJEK MOD C

- Pelajar boleh mendaftar kertas projek setelah menyempurnakan sekurang-kurangnya 24 jam kredit.
- Panjang Kertas Projek hendaklah tidak melebihi 20,000 patah perkataan.
- Fakulti melantik seorang penyelia daripada kalangan pensyarah Fakulti..
- Kertas Projek hendaklah disiapkan dalam tempoh dua (2) semester selepas mendaftar kertas projek tersebut. Sekiranya projek tersebut tidak dapat disiapkan setelah semester kedua berakhir, pelajar dianggap gagal dan perlu mengulang semula Kertas Projek tersebut.

PEPERIKSAAN KERTAS PROJEK MOD C

Fakulti akan melantik dua (2) orang pemeriksa kertas projek, iaitu **penyelia pelajar** dan **seorang lagi pemeriksa**. Kedua-dua pemeriksa akan menyelaraskan markah akhir Kertas Projek yang disediakan oleh Fakulti.

MAKLUMAT LANJUT

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak.

+ 605 450 5047/ 6000

+ 605 459 8606

info@fsk.upsi.edu.my

http://fsk.upsi.edu.my



SARJANA SASTERA
(GEOGRAFI)
MOD B & MOD C

#cemerlangbersama

"Kemanusiaan
Merentasi
Sempadan"

UNIVERSITI
No.1
PENDIDIKAN

www.upsi.edu.my

www.facebook.com/UPSIMalaysia/

MATLAMAT PROGRAM

Melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan luas dalam bidang Geografi. Graduan yang dilahirkan mampu menerajui masyarakat, memahami dan menghayati sepanjang hayat sejajar dengan cabaran dan pemikiran kontemporari. Program ini distrukturkan untuk membentuk lulusan dalam bidang sarjana Pendidikan Geografi yang menguasai kemahiran kognitif, berketerampilan dan berkebolehan dalam membimbing masyarakat selaras dengan kehendak dan keperluan negara.

STRUKTUR PENGAJIAN Mod B

Komponen	Bil. Kursus	Jam Kredit	Peratusan
Teras	3 (x 4 kredit)	12	27.3%
Pengkhususan	2 (x4 kredit)	8	18.2%
Disertasi	1 x 24 kredit	28	54.5%
JUMLAH		40	100%

STRUKTUR PENGAJIAN Mod C

Komponen	Bil Kursus	Jam Kredit	Peratusan
Teras	3 (x 4 kredit)	12	27.3%
Pengkhususan	5 (x 4 kredit)	20	45.5%
Elektif	1 (x 4 kredit)	4	9.0%
Projek Penyelidikan	1 (x 8 kredit)	8	18.2%
JUMLAH		44	100%

Nota : Pelajar perlu memilih satu (1) daripada kursus elektif yang ditawarkan

SYARAT DISERTASI

Calon-calon hendaklah memenuhi syarat disertasi berikut;

- Disertasi Sarjana Pendidikan Mod B hendaklah tidak kurang dari 20,000 patah perkataan dan tidak melebihi 40,000 patah perkataan.
- Disertasi hendaklah disediakan menurut format dan gaya penulisan yang ditetapkan oleh universiti.
- Disertasi boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa tersebut.
- Sesuatu disertasi yang diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk penganugerahan ijazah Universiti ini.

AGIHAN KURSUS

Komponen	Kod Kursus	Nama Kursus
Teras	HGP50104	Idea dan Pemikiran Geografi
	HGP50204	Kaedah Penyelidikan Dalam Geografi
	HGP50304	Isu-Isu Geografi Kontemporari
Pengkhususan (Geografi Fizikal)	HGF50104	Dinamika Lembangan Saliran
	HGF50204	Perubahan Iklim & Adaptasi Manusia
	HGF50304	Analisis Impak Bencana Alam
	HGF50404	Pengurusan Sumber Air
	HGF50504	Biogeografi & Biodiversiti
	HGF50604	Pengurusan Zon Pinggir Pantai
Pengkhususan (Geografi Manusia)	HGM50104	Penduduk & Geodemografi
	HGM50204	Persekitaran, Ruang & Kesejahteraan Masyarakat
	HGM50304	Petempatan & Perancangan Pembangunan
	HGM50404	Pembangunan & Pengurusan Pengangkutan
	HGM50504	Pelancongan & Pemuliharaan Warisan
	HGM50604	Pembangunan Lestari
Pengkhususan (Teknologi Dalam Geografi) *elektif (Mod C)	HGT50104	Sistem Maklumat Geografi Lanjutan
	HGT50204	Analisis Lokasi dan Ruang
	HGT50304	Pemetaan Berasaskan Web
	HGT50404	Pengaturcaraan dalam GIS
	HGT50504	Statistik Ruang
	HGT50604	Penderiaan Jauh
Disertasi (Mod B)	HGR59924	Disertasi
Projek Penyelidikan (Mod C)	HGR59908	Projek Penyelidikan

Nota: Agihan kursus terpakai bagi kedua-dua Mod B & C.

TEMPOH PENGAJIAN MOD B&C

KATEGORI PENGAJIAN	TEMPOH PENGAJIAN
Sepenuh Masa	Minimum :3 Semester (1 ½ Tahun) Maximum : 6 semester (3 Tahun)
Separuh Masa	Minimum : 4 Semester (2 Tahun) Maximum : 10 Semester (5 Tahun)



"Kemanusiaan Merentasi Sempadan"